

28/07/2002

Dr Mahathir bimbang (HL)

Jamhariah Jaafar; Teh Kian Keat

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa sedih dan terkilan dengan masalah pengasingan kaum di kalangan generasi muda yang semakin serius dan kini pada tahap membimbangkan.

Beliau yang juga Presiden Barisan Nasional, berkata keadaan semakin membimbangkan apabila puak ekstrem daripada semua kaum semakin lantang menggalakkan perpisahan antara kaum dan mereka juga menentang sebarang usaha untuk mendekatkan antara kaum.

"Mereka mahu generasi muda terutamanya, dipisahkan dengan cukup jauh supaya tidak ada langsung interaksi antara mereka. Bangunan sekolah pun tidak boleh didekatkan.

"Perbuatan ini amat bahaya bagi negara. Ekstremisme membuahkan ekstremisme. Apabila satu kaum mempunyai orang ekstrim yang tidak menghormati perasaan kaum lain, maka kaum lain pula akan mengadakan kumpulan ekstrem (mereka sendiri)," katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung MCA di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Timbalannya, Datuk Lim Ah Lek dan hampir semua pemimpin tertinggi BN yang lain.

Perdana Menteri terkilan kerana pengasingan antara kaum yang berlaku di kalangan generasi muda terutama di universiti dan dunia pekerjaan profesional, kini semakin melebar.

"Ketika saya di universiti dulu, rakan sebilik saya bangsa Cina dan saya dan dia, tidak menghadapi apa-apa masalah bahkan kami adalah kawan baik. Hingga hari ini, dia terus berbudaya Cina dan saya tidak kurang Melayu dan tidak kurang Islam.

"Sekarang kita mendapati penuntut di universiti terpisah begitu jauh sehingga mereka tidak dapat duduk bersebelahan dalam bilik kuliah atau dewan. Kita lihat penduduk Cina di satu tempat, India di tempat lain dan Melayu berasingan. Ternampak jelas tidak ada persaudaraan kewarganegaraan antara mereka," katanya.

Beliau berkata, tragedi 1969 patut dijadikan pengajaran perit, tetapi ketika itu Malaysia masih bernasib baik kerana mempunyai pemimpin yang waras dan sederhana dalam Perikatan yang dapat menenangkan keadaan.

Bagaimanapun, katanya keadaan begitu berbeza sekarang, kerana parti lawan baik bangsa Cina, mahupun Melayu kini terlalu keras sehingga jika berulang tragedi 1969, penyelesaian tidak mungkin dicapai.

Beliau turut melahirkan rasa kluatir mengenai timbulnya puak ekstremis yang melampau dari kalangan bangsa Cina dan Melayu, sehingga boleh menyebabkan generasi muda kedua-dua bangsa tidak pernah berkenal-kenalan dan bersahabatan.

"(Jika ini berlaku) Rundingan untuk menyelesaikan masalah tidak akan dapat dibuat.

Konfrontasi akan berlaku dan dengan mudah rusuhan seperti 1969 akan menurut. Parti DAP mungkin tidak senang dengan kenyataan ini, tetapi jika kita lupa sejarah... kita akan mengulangi kesalahan dulu berkali-kali," tegasnya.

Justeru kata Dr Mahathir, Kerajaan telah berusaha untuk merapatkan semula jurang perkauman ini dan antara caranya ialah dengan mengadakan sekolah kebangsaan.

Bagaimanapun, beliau menegaskan apabila memperkenalkan konsep Sekolah Wawasan, kerajaan tidak pernah berniat untuk menukar Sekolah Rendah Jenis

Kebangsaan (SRJK) kepada sekolah kebangsaan, sebaliknya hanya ingin memastikan pelajar antara kaum dapat berinteraksi dengan pelbagai kegiatan dapat berjalan bersama.

"Malangnya, niat yang baik untuk masa depan Malaysia ini telah dituduh oleh puak ekstremis sebagai usaha untuk menghapuskan sekolah Cina. Perkara ini dipolitikkan oleh parti lawan dan kadang-kadang oleh parti-parti dalam BN sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, sikap toleransi antara kaum yang semakin berkurangan boleh menggugat keharmonian kaum dan kestabilan negara, seperti yang berlaku ketika pilihan raya kecil di Pendang, Kedah, baru-baru ini.

"Pada pilihan raya itu, orang Cina cuba ditakutkan dengan membawa beribu-ribu ekstremis Melayu yang ganas supaya orang Cina tidak boleh mengundi, supaya mereka tidak dapat hak sebagai rakyat Malaysia yang demokratik.

"Saya percaya jika puak ini berjaya dengan menggunakan taktik ini dan mereka berkuasa, atau mengurangkan sokongan kepada Melayu yang sederhana, maka negara tidak lagi akan memperlihatkan keadilan kepada semua kaum.

"Mereka sudah menunjuk hasrat mereka di negeri-negeri yang mereka memerintah, untuk menolak hak kaum lain. Inilah hasil daripada ekstrimisme yang ditunjuk oleh sebahagian daripada kaum Cina. Mereka bermain dengan api dan akhirnya mereka akan dibakar dengan api yang mereka nyalakan," katanya.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir meminta rakyat pelbagai kaum negara supaya tidak tunduk dengan sikap radikal dan ekstrim golongan tertentu, kerana apa yang dilakukan oleh Kerajaan adalah untuk kebaikan seluruh rakyat Malaysia.

"Kami sedang mencuba di peringkat sekolah, kerana itu idea untuk mengadakan Sekolah Wawasan adalah baik. Walaupun mereka tidak mahu duduk di bawah satu bumbung, tapi biarkan anak lebih rapat, selepas itu balikhlah ke sekolah masing-masing," katanya.

Bagaimanapun beliau melahirkan rasa gembira kerana perpaduan antara parti komponen dalam BN terus utuh.

"Saya masih boleh datang ke mesyuarat MCA dan menerima sokongan yang sama seperti padai mesyuarat Umno. Kita masih boleh bekerja bersama, malahan mereka (ahli MCA) menjerit Dr Mahathir, Dr Mahathir.

"Bolehkan anda bayangkan, ketika saya dilantik sebagai Perdana Menteri, semua orang (Cina) berkata 'oh my god, what will happen' (ya tuhan, apa akan berlaku), tapi sekarang mereka berkata 'my god, he is going to step down (ya tuhan, dia akan meletak jawatan),' katanya merujuk kepada kebimbangan bangsa Cina berikutan tulisan dalam buku pertamanya, 'Dilema Melayu'.